

Dua syarikat Kejora tutup

Arahan Musa lepas kerugian berjuta

Oleh ZAINUDDIN AYIP

JOHOR BAHRU, Rabu.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini mengarahkan dua anak syarikat Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) ditutup serta-merta kerana mengalami kerugian berjuta-juta ringgit.

Kedua syarikat itu ialah Syarikat Ternakan Parks Tenggara Sdn. Berhad di Sungai Puyor yang mengusahakan ternakan ayam dan Syarikat Johor Tenggara Protin Sdn. Berhad yang mengendalikan perusahaan rumput makanan lembu.

Datuk Musa juga memberi tempoh enam bulan kepada Syarikat Johor Tenggara Orkid untuk membetulkan pengurusannya setelah didapati perniagaan syarikat itu merugi.

Timbalan Perdana Menteri menegakan demikian di satu sidang akhbar sebelum pulang ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan rasmi dua hari di sini, hari ini.

Semalam Datuk Musa melawat KEJORA untuk mendengar taklimat mengenai anak-anak syarikatnya dari Pengurus Besar KEJORA, Datuk Haji Mohamad Haji Abdul Rahman.

Bellau juga melawat Majuternak di Keluang untuk mendengar taklimat dari Ketua Pengarahnya, Dr. Ahmad Nordin Keling.

Datuk Musa menjelaskan hasil kajian yang dibuat baru-baru ini, Syarikat Ternakan Parks mengalami kerugian berterusan sejak ditubuhkan tahun 1974 lalu.

"Hasil kajian itu mendapati, syarikat tersebut tidak mampu bertahan lama kerana jumlah kerugian terus meningkat dari tahun ke setahun," katanya lagi.

Mengenai Syarikat Johor Tenggara Protin pula, bellau berkata, syarikat itu adalah usahanya KEJORA dengan tiga syarikat swasta di mana KEJORA memiliki 51 peratus sahamnya.

Syarikat yang ditubuhkan tahun 1975 itu mengusahakan 7,000 ekar padang ragut untuk ternakan lembu.

"Sejak ditubuhkan perusahaannya tidak pernah menguntungkan. Adalah lebih munasabah jika ia ditutup sahaja," katanya lagi.

Timbalan Perdana Menteri juga bimbang dengan perusahaan tanaman bunga orkid yang dikendalikan oleh Syarikat Johor Tenggara Orkid Sdn. Berhad.

"Saya bagi tempoh enam bulan kepada syarikat itu membetulkan pengurusannya. Jika didapati bertambah baik dan menguntungkan, syarikat itu boleh diteruskan. Tapi jika sebaliknya, lebih baik mengikut saja jejak dua syarikat yang ditutup," tegas bellau lagi.

Dua syarikat lain — Syarikat Johor Tenggara Cattle Industries dan Syarikat SB Shokuhin Tenggara juga mengalami masalah kewangan dan pengurusan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia